

Kaji kelemahan pelajar Melayu sebelum ambil tindakan — MBM

28 JUL 2001

KUALA LUMPUR 27 Julai — Majlis Belia Malaysia (MBM) berharap tindakan radikal yang akan diambil ke atas pelajar Melayu menjadi langkah terakhir sekiranya usaha lain yang dilakukan oleh kerajaan untuk menyelamatkan mereka daripada tercicir menemui jalan buntu.

Presidennya, Saifuddin Abdullah berkata, kajian menyeluruh mengenai punca kelemahan pelajar Melayu di dalam pelajaran perlu dijalankan terlebih dahulu, sebelum apa-apa langkah drastik dibuat bagi menangani masalah itu.

“Sebelum sebarang tindakan radikal diambil, satu kajian yang menyeluruh dan mendalam diperlukan bagi mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi oleh pelajar Melayu hari ini,” katanya kepada *Utusan* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas ca-

Majlis Tertinggi UMNO hari ini berikutan prestasi yang lemah ditunjukkan oleh pelajar Melayu dalam pelajaran berbanding kaum lain.

Di dalam cadangan itu, kuota kemasukan pelajar bumiputera ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) akan dikurangkan selain mengurangkan bantuan pelajaran kepada mereka.

Sementara itu, Presiden Persatuan Warga Warisan Melayu Muda Kebangsaan (Wawasan), Mohd. Haswandi Ahmad berkata, tindakan yang akan diambil oleh Perdana Menteri merupakan satu langkah yang wajar kerana ia dapat menimbulkan kesedaran di kalangan pelajar Melayu supaya lebih gigih belajar.

Jelasnya, pendekatan ini dilihat sebagai langkah proaktif kerana ia akan memberikan motivasi kepada pelajar Melayu untuk lebih bersaing

di dalam pelajaran bagi mencapai keputusan yang terbaik.

Tambahnya, ini secara tidak langsung akan menjadi pemangkin kepada perubahan sikap pelajar Melayu yang selama ini begitu leka dan mengambil mudah kesenangan yang diberikan oleh kerajaan sepanjang mereka belajar di IPTA.

Bagaimanapun, beliau berharap tindakan sedemikian hanya akan dijadikan sebagai langkah terakhir sekiranya sikap pelajar Melayu masih belum berubah dan berada di takuk yang lama.

“Kami sebagai badan bukan kerajaan yakin tindakan yang cuba diambil oleh Perdana Menteri sebagai satu niat yang murni bagi menggagalkan pelajar Melayu supaya berusaha dengan gigih demi masa depan mereka,” katanya.

dangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan mengambil tindakan lebih radikal terhadap pelajar Melayu dalam usaha menyelamatkan mereka daripada terus tercicir.

Cadangan tersebut telah dinyatakan oleh Dr. Mahathir, selepas mempengerusikan mesyuarat